KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Kokurikulum, Sektor Pembangunan Kemanusiaan

Telefon	: 07-231 0000
Pengarah	: 07-231 0198
Timbalan	: 07-231 0191
Faks	: 07-234 7132
Laman Web	: www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel	: jpn.johor@moe.gov.my
Telefon	: 07-2311484 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.PBM.600-3/3/19 ( )
Tarikh : 29 Januari 2020

Pengetua / Guru Besar
Sekolah Menengah / Sekolah Rendah Negeri Johor

Melalui,
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah, Negeri Johor.

Tuan,

KEBENARAN PELEPASAN DAN KEBENARAN GURU SERTA PELAJAR PASUKAN BADAN BERUNIFORM MENYERTAI PROGRAM *"INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR.

Dengan segala hormatnya surat tuan JAKL 200 - / 1 / 02 (01) bertarikh 13 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menerima surat Permohonan Penganjuran dan pelepasan Murid dan Guru daripada Kelab Duta Rimda dan surat Kebenaran Pelibatan Guru dan Murid daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Johor tiada halangan bagi membenarkan murid dan guru untuk menghadiri "**Program International Langkawi Geopark Eco School challege 2020**" yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat di **Langkawi, Kedah**.

4. Walau bagaimana pun, Pengetua / Guru Besar sekolah perlu mengikuti garis panduan yang dinyatakan dalam surat **KPM.600-12/1/4 JLD.7 (31) bertarikh 27 Disember 2019**.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Encik Basri Efendi Bin Masri, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid di talian 012-7410257 / 07-2311480 di Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN ADNAN)
Pengarah Pendidikan Negeri Johor

s.k.
1. Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri (Sektor Pembangunan Murid)
2. PPD Negeri Johor
3. Presiden Kelab Duta Rimba

3/3/19

64

KELAB DUTA RIMBA

KUARTER PENDIDIKAN GURU, BLOK C-4-3 JALAN ATINAHAPPAN,
TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
AKTA PERTUBUHAN 1996 (PPM-023-14-05112014)
H/P 016-3333534.Website: www.jungleambassador.org
Email : jungleambassador@outlook.com

Ruj. Tuan : JAKL 200-/1/02 (01)
Tarikh : 13 JANUARI 2020

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg Dato'/Dr/Tuan/Puan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORN DALAM PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk **surat KPM bertarikh 27 Disember 2019 JLD KPM 600-12/1/4 JLD.7 (31) pihak kami telah menerima surat kelulusan menjalankan program seperti di atas**. Sehubungan itu pihak kami ingin memohon kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk membenarkan penglibatan guru dan murid dalam program ini. Pihak kami juga memohon jasa baik pihak tuan jika sudi dapat panjangkan maklumat ini kepada sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan pihak tuan.

3. Berikut disertakan butiran program tersebut :

Tarikh : 14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020
Tempat : Langkawi, Kedah
Penyertaan : **Sekolah Rendah** (Tahun 4 hingga Tahun 6)
: **Sekolah Menengah** (Tingkatan 1 – Tingkatan 5)

Sila Rujuk Kertas Kerja untuk makluman tambahan program ini

Kppn (PM)
Tindakan.

HAJI AZMAN BIN ADNAN
Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

4. Sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan dihantar ke sekolah masing-masing setelah mendapat keputusan permohonan kelayakan program ini dari Kementerian Pendidikan Malaysia samada peringkat antarabangsa/kebangsaan/negeri. Proses ini mengambil masa satu hingga tiga bulan dari tarikh program tersebut.

5. Untuk makluman salinan kertas kerja, surat kelulusan KPM, surat kebenaran ibu bapa, surat jemputan sekolah boleh dimuat turun melalui pautan di bawah dan seterusnya boleh membuat pendaftaran murid dan guru pengiring melalui **pendaftaran secara online pada www.jungleambassador.org** Sebarang pertanyaan boleh hubungi Cikgu S. Ganesan di talian 0163333534/Jun- 016-2208024/ Ustad Ammar 013-4472057/Cikgu Rasul - 01111337493

Kerjasama pihak tuan amat dihargai dan semoga program ini mendapat memberi kesan yang positif kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(GANESAN S.SITTRAMBARAM)
Presiden Kelab Duta Rimba@Jungle Ambassador
Kuala Lumpur.

RECEIVED
15 JAN 2020
Sektor Pembangunan Murid
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

En Kari
Tindakan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular And Arts Division
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. kami : KPM.600-12/1/4 JLD.7 (31)
Tarikh : 27 Disember 2019
30 Rabiulakhir 1441H

Presiden,
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru, Blok C-4-3,
Jalan Ahtinahappan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh **12 Disember 2019** adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** bagi membenarkan murid dan guru untuk menghadiri ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat di **Langkawi, Kedah.** Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

3.1. Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;

3.2. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;

3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;

3.4 Pelibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;

3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;

3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;

3.8 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan; dan

3.9 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum, pihak tuan dipohon mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bersama-sama surat permohonan pengiktirafan program.

4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai dijalankan untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menghadiri *Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020 bertempat** di **Langkawi, Kedah Anjuran Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur.** Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RAZUKI BIN A. RAHIM)
Timbalan Pengarah,
b.p. Pengarah,
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar Kedah

Tel : 04-7745100
Faks : 04-7328659
Laman Web : http://jpnkedah.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPK.SPPK.UKK.600-3/4/12 JLD 2 (20)
Tarikh : 23 Januari 2020

Presiden,
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru,
Blok C-4-3, Jalan Athinahappan,
Taman Tun Dr Ismail,
60000, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PENGANJURAN SERTA PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI KEDAH

Adalah saya diarah merujuk surat tuan **JAKL 200-/1/02 (01)** bertarikh **13 Januari 2020** mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** dan **membenarkan** pihak Kelab Duta Rimba untuk mengadakan Program **"International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020" pada 14-17 Julai 2020 di Langkawi, Kedah** yang melibatkan penyertaan guru dan murid sekolah - sekolah dalam Negeri Kedah seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami.

3. Walau bagaimanapun perkara-perkara berikut mestilah dipatuhi;

3.1 Mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua/Guru Besar sekolah *berkenaan*;
3.2 Surat kebenaran ini tidak boleh digunapakai untuk tujuan mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana - mana pihak;
3.3 Penyertaan guru dan murid tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah;
3.4 Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang ada unsur paksaan;
3.5 Tiada implikasi kewangan kepada, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Pejabat Pendidikan Daerah;
3.6 Murid-murid yang terlibat mestilah mendapat kebenaran bertulis dari ibu/bapa atau waris/penjaga;
3.7 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan
3.8 Pihak penganjur dikehendaki menghantar laporan berkenaan penglibatan pelajar dalam tempoh 30 hari selepas program dijalankan;
3.9 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

KEBENARAN PENGANJURAN SERTA PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI KEDAH

Ruj. Kami : JPK.SPPK.UKK.600-3/4/12 JLD 2 (20) Tarikh : 23 Januari 2020

---

4. Kebenaran ini (**Kebenaran Penganjuran serta Penglibatan guru dan murid sekolah-sekolah Negeri Kedah dalam "International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020" pada 14-17 Julai 2020 di Langkawi, Kedah**) adalah untuk tujuan tersebut di atas sahaja.

5. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **En. Hasnizam bin Zakaria, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah** di talian **0162635969/047745175** untuk maklumat lanjut.

Segala perhatian daripada tuan amat kami hargai dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AHMAD SHUKRI BIN SHAFIE)
Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

KEDAH AMAN MAKMUR
Harapan Bersama Makmurkan Kedah

s.k 1. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah
2. Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Kedah

KELAB DUTA RIMBA

KUARTER PENDIDIKAN GURU, BLOK C-4-3 JALAN ATINAHAPPAN,
TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
AKTA PERTUBUHAN 1996 (PPM-023-14-05112014)
H/P 016-3333534.Website: www.jungleambassador.org
Email : jungleambassador@outlook.com

19

DITERIMA PADA
23 JAN 2020
SEKTOR PEMBANGUNAN MURID
JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI KEDAH

Ruj. Tuan : JAKL 200-/1/02 (01)
Tarikh : 13 JANUARI 2020

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

PP(PBM) untuk
Sila uruskan
22/1/2020

Y.Bhg Dato'/Dr/Tuan/Puan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORN DALAM PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk **surat KPM bertarikh 27 Disember 2019 JLD KPM 600-12/1/4 JLD.7 (31) pihak kami telah menerima surat kelulusan menjalankan program seperti di atas**. Sehubungan itu pihak kami ingin memohon kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk membenarkan penglibatan guru dan murid dalam program ini. Pihak kami juga memohon jasa baik pihak tuan jika sudi dapat panjangkan maklumat ini kepada sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan pihak tuan.

3. Berikut disertakan butiran program tersebut :

Tarikh : 14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020
Tempat : Langkawi, Kedah
Penyertaan : **Sekolah Rendah** (Tahun 4 hingga Tahun 6)
: **Sekolah Menengah** (Tingkatan 1 – Tingkatan 5)

Sila Rujuk Kertas Kerja untuk makluman tambahan program ini

4. Sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan dihantar ke sekolah masing-masing setelah mendapat keputusan permohonan kelayakan program ini dari Kementerian Pendidikan Malaysia samada peringkat antarabangsa/kebangsaan/negeri. Proses ini mengambil masa satu hingga tiga bulan dari tarikh program tersebut.

5. Untuk makluman salinan kertas kerja, surat kelulusan KPM, surat kebenaran ibu bapa, surat jemputan sekolah boleh dimuat turun melalui pautan di bawah dan seterusnya boleh membuat pendaftaran murid dan guru pengiring melalui **pendaftaran secara online pada** www.jungleambassador.org Sebarang pertanyaan boleh hubungi Cikgu S. Ganesan di talian 0163333534/Jun- 016-2208024/ Ustad Ammar 013-4472057/Cikgu Rasul - 01111337493

SEKTOR PEMBANGUNAN MURID
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

Kerjasama pihak tuan amat dihargai dan semoga program ini mendapat memberi kesan yang positif kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Kepada :
Tindakan:

Tarikh :

T/Tangan

Saya yang menjalankan amanah,

Ganesan

(GANESAN S.SITTRAMBARAM)
Presiden Kelab Duta Rimba@Jungle Ambassador

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000
Fax : 09-748 2554
Website : jpnkelantan.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPKn/SPS/UPP.600-5/2 Jld.16 (26)
Tarikh : 11 FEBRUARI 2020

GANESAN S.SITTRAMBARAM
Presiden Kelab Duta Rimba@ Jungle Ambassador
Kelab Duta Rimba
Kuarter Pendidikan Guru, Blok C-4-3,
Jalan Atinahappan,
Taman Tun Dr Ismail
60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBrs. Tuan.

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU / PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN UNIFORM DALAM PROGRAM ' INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA @ JUNGLE AMBASSADOR

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat daripada Bahagian Sukan, Ko-Kurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia bernombor rujukan KPM.600-12/1/4 JLD.7(31) bertarikh 27 Disember 2019 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) ambil maklum dan **tiada halangan** kepada tuan untuk **Penganjuran Dan Pelepasan Murid Dan Guru / Pegawai Pendidikan Pasukan Badan Uniform Dalam Program ' International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020 Untuk Sekolah-Sekolah Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia Anjuran Duta Rimba @ Jungle Ambassador** seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami.

3. Kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah dan diminta tuan menghubungi **Pegawai Pendidikan Daerah / Pengetua / Guru Besar** yang terlibat untuk mendapatkan kerjasamanya dan mematuhi garis panduan berikut;

3.1 Mendapat kebenaran daripada Pegawai Pendidikan Daerah / Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat; (Rujukan: Perkara 3.1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10/2011)

3.2 Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada pihak Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak Pegawai Pendidikan Daerah boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian / keperluan:

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU / PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN UNIFORM DALAM PROGRAM ' INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA @ JUNGLE AMBASSADOR

Ruj. Kami : JPKn/SPS/UPP.600-5/2 Jld.16 (26) Tarikh : // FEBRUARI 2020

3.3 Pihak PPD berhak meminda tarikh, kandungan progam dan jumlah peserta (pegawai / guru) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah ;

3.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

3.5 Sekolah / guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

3.6 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan, kebajikan, kerahsiaan maklumat murid dan guru yang terlibat dengan program ini;

3.7 Penyertaan sekolah / guru dan murid hendaklah tidak menganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka;

3.8 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;

3.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;

3.10 Pihak penganjur dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;

3.11 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak KPM.

3.12 Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU / PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN UNIFORM DALAM PROGRAM ' INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA @ JUNGLE AMBASSADOR
Ruj. Kami : JPKn/SPS/UPP.600-5/2 Jld.16 (76) Tarikh : // FEBRUARI 2020

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM amat menekankan perkara Melindung masa Instruksional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran murid. Oleh yang demikian, pihak JPNK mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi tujuan pelaksanaan program bersama pihak Kelab Duta Rimba ini hendaklah dijalankan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran iaitu di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu sahaja (Minggu ke dua atau ke empat sahaja).

5. Kelulusan ini (*Kebenaran* Penganjuran Dan Pelepasan Murid Dan Guru / Pegawai Pendidikan Pasukan Badan Uniform Dalam Program ' International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020 Untuk Sekolah-Sekolah Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia Anjuran Duta Rimba @ Jungle Ambassador) hanya untuk tujuan seperti yang dipohon dan sah sehingga 17 Julai 2020.

Sekian, terima kasih.

"Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat, Negeri Berkat"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

HAJI ABDULLAH BIN MAT *P.S.K.*
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Perancangan dan engurusan PPD
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan
2. Fail

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : *jpwpkl.moe.gov.my*

Ruj. Kami : JPNWP 800-2/ Jld. 7 (60)
Tarikh : 17 Januari 2020

Kelab Duta Rimba
Kuarters Pendidikan Guru
Blok C-4-3, Jalan Atinahappan
60000 Taman Tun Dr Ismail
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

KELULUSAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM *'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'* UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA @ JUNGLE AMBASSADOR

Dengan sukacitanya perkara di atas dan surat dari Kelab Duta Rimba, no. rujukan JAKL 200-/1/02(01) bertarikh 13 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah meneliti permohonan yang dikemukakan dan tiada halangan untuk **Kelab Duta Rimba** menganjurkan **Program *'International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020'*** yang akan diadakan pada **14 hingga 17 Julai 2020** di **Langkawi, Kedah.** Pihak JPWPKL juga tiada halangan untuk **murid** dan **guru** menyertai program tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) memohon kerjasama tuan untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

3.1 Mendapatkan kebenaran Pengetua/Guru Besar bagi penyertaan guru dan murid.
3.2 Mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa/penjaga bagi penyertaan murid.
3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini.
3.5 Pegawai Penyelamat yang bertauliah (salinan sijil yang disahkan dilampirkan) mesti terlibat dalam aktiviti air.
3.6 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan.
3.7 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini.
3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat.

KELULUSAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM *'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'* UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA @ JUNGLE AMBASSADOR

Ruj. Kami: JPNWP 800-2/Jld. 7 (60) Tarikh: 17 Januari 2020

3.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum

3.10 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan.

3.11 Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

4. Kelulusan ini adalah untuk program yang dinyatakan dalam perancangan tersebut dan **tamat tempohnya selepas tarikh 17 Julai 2020**. Pihak tuan boleh menghubungi **En. Mohd Aidilfitri bin Ramelan** (Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPWPKL) di talian **03-6204 6096** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAZNAH BINTI ABU BAKAR, *ANS; PMC*)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k. i. Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid
ii. Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar/Pudu, Keramat dan Sentul
iii. Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid
iv. Fail

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 Wilayah Persekutuan Labuan

Telefon : 087-583351 / 587353 / 583357
Fax : 087-583352 / 583355
Laman Web : jpwpl.moe.gov.my
E-mel : jpnlabuan@moe.gov.my

Rujukan : JPWPL.SPS.600-11/2/1 Jld. 8 (3)
Tarikh : 22 Januari 2020

Ganesan S. Sittrambaram
Presiden Kelab Duta Rimba @ Jungle Ambassador
Kelab Duta Rimba
Kuarters Pendidikan Guru
Blok C-4-3 Jalan Atinahappan
Taman Tun Dr Ismail
60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti surat permohonan tuan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk mengadakan program berkenaan. Untuk makluman pihak tuan penganjuran program ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2004 Ruj. KP(BS)8691/ Jld.XVII/(9) bertarikh 16 September 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.**

3. Untuk menjayakan program tersebut, pihak tuan dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bersama sekolah terlibat mengenai kaedah terbaik melaksanakannya di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

3.1 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**

3.2 Jika ada penyertaan dalam kalangan guru dan warga sekolah, hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan;

3.3 Pihak penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat dengan program ini;

3.4 Warga sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini dan pihak penganjur adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat;

3.5 Tiada sebarang unsur negatif mengenai sekolah dan warganya dibangkitkan dalam sesi ceramah tersebut dan **penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa dan penjaga;**

JPWPL.SPS.600-11/2/1 Jld.8(3)
22 Januari 2020

KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR

3.6 **Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk makan, minum, penginapan dan tuntutan perjalanan peserta yang hadir;**

3.7 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program (*Lampiran 1*) dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;

3.8 Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, sekolah, guru dan murid yang terlibat secara paksaan; dan

3.9 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya **penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan diluar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.**

5. **Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 18 Januari 2020.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAIMOON BINTI MATNOH)
Timbalan Pengarah,
Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

s.k :

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Beruang
75450 Melaka

Tel : 06-2323777
Faks : 06-2320500
Laman Web : http://jpnmelaka.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNM. SPS.PSR.600-11/2/1 ( )
Tarikh : Januari 2020

Presiden
Kelab Duta Rimba,
Kuaters Pendidikan Guru,
Blok C-4-3, Jalan Atinahappan,
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020' UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN RIMBA@JUNGGLE AMBASSADOR

Dengan segala hormatnya merujuk surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Melaka memberi kebenaran kepada tuan untuk berurusan dengan pihak pentadbir di sekolah-sekolah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 7/1988, SPI. 24/1998, SPI Bil. 9/2004 dan Bil. 10/2011** dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut: -

2.1 Mendapat kebenaran/ persetujuan daripada Pentadbir/Guru Besar sekolah;

2.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

2.3 Penyertaan warga sekolah dan murid-murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

2.4 Penganjur bertanggungjawab menyediakan perlindungan insuran dan menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;

2.5 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

2.6 Murid-murid yang terlibat perlulah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada ibu bapa / penjaga;

2.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;

2.8 Guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;

2.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, murid dan guru yang terlibat

2.10 Mengundang sekolah-sekolah/ murid-murid adalah urusan pihak penganjur;

2.11 Jabatan Pendidikan Negeri Melaka berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak tuan, gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa

3. Untuk makluman tuan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Melaka sedang berusaha untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI), masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, oleh yang demikian kami mencadangkan **supaya penglibatan murid dan guru diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.**

4. Kelulusan ini hanya untuk perkara yang dipohon sahaja iaitu dari **14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI KARIM BIN TUMIN)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pengurusan Sekolah,
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Melaka,
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

s/k – Fail Penyelaras

MKBISMA/PSR/SWASTA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan,
Jalan Dato' Hamzah, Karung Berkunci No.6,
70990 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpnns.moe.gov.my

Ruj.Kami : JPNS.SPM.PBM.900-3/34 (2)

Tarikh : 4 Februari 2020

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan.

Tuan,

PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Duta Rimba@Jungle Ambassador Kuala Lumpur dengan kerjasama Langkawi Unesco Global Geopark, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dan SK.Kelibang,Langkawi akan menganjurkan program tersebut pada ketetapan yang berikut;

Tarikh	: 14 hingga 17 Julai 2020
Tempat	: Langkawi, Kedah
Penyertaan	: Sekolah Rendah (Tahun 4 hingga 6) Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5)
Bayaran	: RM 450.00 (termasuk hotel penginapan, makan minum, t-shirt, lencana, sijil dan pengangkutan di Langkawi.
Cara pembayaran:	Bayaran Pertama- RM150.00 sebelum 30 Mac 2020 Bayaran Kedua - RM150.00 sebelum 30 Mei 2020 Bayaran Terakhir- RM150.00 sebelum 30 Jun 2020

Akaun : Maybank- 564276524184. Pembayaran melalui cek hendaklah atas nama Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur.

3. Sehubungan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan tiada halangan dan membenarkan murid-murid dan guru dari sekolah-sekolah yang berminat untuk mengambil bahagian dalam program ini. Walau bagaimanapun, pihak penganjur dan peserta yang mengambil bahagian hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu;

3.1. Penglibatan murid dan guru hendaklah dengan pengetahuan dan kebenaran Pengetua / Guru Besar sekolah yang terbabit.
3.2. Mendapat persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai.
3.3. Guru-guru dan murid tidak boleh dipaksa menyertai program ini.
3.4. Penglibatan guru dan murid tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
3.5. Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung.
3.6. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan.

Ruj.Kami : JPNS.SPM.PBM.900-3/34 ( )

PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR

3.7. Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

3.8. Bagi tujuan markah kokurikulum, pihak penganjur hendaklah menghantar laporan program berserta surat permohonan pengiktirafan program kepada KPM.

4. Untuk makluman tuan, sijil pencapaian akan dihantar ke sekolah masing-masing setelah mendapat keputusan permohonan kelayakan program dari KPM sama ada diiktiraf di peringkat antarabangsa/kebangsaan/negeri. Proses ini mengambil masa satu hingga tiga bulan dari tarikh program tersebut dijalankan.

5. Bagi mendapat maklumat lengkap tentang kertas kerja, surat kebenaran KPM, surat kebenaran ibu bapa dan penjaga, surat jemputan sekolah boleh dimuat turun melalui pautan di bawah seterusnya boleh membuat pendaftaran murid dan guru pengiring melalui pendaftaran secara online pada www.jungleambassador.org. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Cikgu S.Ganesan di talian 016 3333534 / Jun- 016 2208024 / Ustaz Ammar 013 4472057 / Cikgu Rasul 01111337493**. Tuan juga boleh menghubungi **Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNS, En.Mohd Yusof bin Shafie di talian 06 7653152 / 012 9731596.**

6. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam menjayakan aspirasi Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan untuk melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC)melalui aktiviti kokurikulum amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABD.RAZAK BIN HAJI IDRIS)
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan Bakat Murid
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan
2. Pejabat Pendidikan Daerah
3. Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel : 09 – 571 5700
Faks : 09 – 573 4857
E-mel : jpn.pahang@moe.gov.my
Portal : http://jpnpahang.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNP.SPMd.600-3/3 (29)
Tarikh : 04 Februari 2020
10 Jamadilakhir 1441H

PRESIDEN
Kelab Duta Rimba @Jungle Ambassador
Kuarters Pendidikan Guru,
Blok C-4-3
Jalan Atinahappan,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU SERTA MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat JAKL200-/1/02 (01) bertarikh 13 Januari 2020 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Pahang ***tiada halangan*** untuk memberi kebenaran dan pelepasan kepada murid dan guru penasihat **(seperti lampiran)** untuk menghadiri program berkenaan yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020 (Selasa hingga Jumaat)
Tempat : Langkawi, Kedah
Penyertaan : Sekolah Rendah (Tahun 4 hingga 6)
Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)

3. Walau bagaimanapun, pihak tuan diminta mematuhi peraturan sedia ada seperti yang terkandung dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 24/1998, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004, Surat Pekeliling Bil. 8/2009** dan **Surat Pekeliling KPM Bil. 5/2018.** Antara kandungannya ialah:

i. Mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan dan Guru Besar/Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat;
ii. Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
iii. Cuti tanpa rekod (jika dipohon) bagi pegawai/kakitangan serta guru yang berkenaan tidak melebihi 14 hari;
iv. Semua anggota hendaklah memakai pakaian seragam yang lengkap semasa menjalankan latihan atau majlis-majlis rasmi sekolah;

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU SERTA MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

v. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
vi. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
vii. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
viii. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
ix. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
x. Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN dan PPD yang terlibat;
xi. Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
xii. Penggunaan logo JPNP dan sebarang logo berkaitan hanya untuk *backdrop*, *banner*, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk mendapat tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersil;
xiii. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
xiv. Pihak pengajur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30** hari selepas perlaksanaan program tersebut; dan
xv. Pendaftar **berhak menarik balik** surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Sila pastikan pihak tuan tidak **menyalahgunakan** surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan menggunakan senarai lampiran yang sama untuk program berkenaan. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dinyatakan sahaja dan **luput selepas tarikh 17 Februari 2020**. Sila maklumkan maklumat lanjut berkaitan program di atas kepada Pegawai/Kakitangan Perkhidmatan Pendidikan Pahang yang terlibat. Sebarang pertanyaan berkaitan kebenaran dan pelepasan, pihak tuan boleh menghubungi pegawai di Unit Pembangunan Bakat Murid, **Encik Wan Asma Izam bin Wan Mohd** di talian **09-5715897**atau **019-3381906.**

Kerjasama dan sokongan tuan dalam perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

MOHAMMAD ROSLI BIN ABDUL RAHMAN
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan Pahang

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU SERTA MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

s.k. - Pengarah Pendidikan Pahang

- Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pembangunan Murid
- Ketua Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid
- PPD Kuantan
- PPD Temerloh
- PPD Maran
- Fail Timbul

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : *http://jpnperak.moe.gov.my*

Ruj. Kami : JPNPk.SPM.KOKU600-3/3 (62)
Tarikh : 25 Jamadilawal 1441H.
21 Januari 2020

KELAB DUTA RIMBA,
KUARTER PENDIDIKAN GURU, BLOK C-4-3,
JALAN ATINAHAPPAN,
TAMAN TUN DR. ISMAIL,
60000 KUALA LUMPUR.

Tuan,

KEBENARAN PELIBATAN GURU / PEGAWAI DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENYERTAI PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020*

Sukacita saya merujuk surat tuan JAKL200-/1/02 (01) bertarikh 13 Januari 2020 mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti surat tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak tiada halangan untuk pihak tuan berurusan dengan pihak sekolah bagi menjayakan program tersebut. Walaubagaimanapun ia adalah terhad dan bergantung kepada persetujuan dan kebenaran pihak sekolah serta guru yang berkenaan sahaja bagi hal-hal yang berkaitan dan pihak tuan adalah tertakluk kepada ***Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/2011 Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia*** serta dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam ***SPI 24/1998 (Penglibatan Guru dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Agensi Kerajaan dan Agensi Bukan Kerajaan)*** .

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak mengalu-alukan penyertaan guru dan murid dari seluruh negeri Perak dalam program di atas. Namun begitu, pihak tuan haruslah menepati syarat-syarat berikut:-

a. Pelibatan murid dalam aktivit tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat.
b. Pelibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
c. Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program berkenaan.
d. Tiada melibatkan implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.
e. Semua pihak diminta memastikan murid yang terlibat mempunyai perlindungan insuran Takaful, mesti menggunakan kenderaan berinsuran ***SPI 9/2000 Panduan keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah .***

KEBENARAN PELIBATAN GURU / PEGAWAI DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENYERTAI PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020*

Ruj. Kami : JPNPk.SPM.KOKU600-3/3 (62) 21 Januari 2020

f. Pihak Urus setia dikehendaki memastikan keselamatan guru dan murid diberi keutamaan.

g. Pihak tuan juga dikehendaki memastikan kawasan program di dalam dewan dan selamat. ***SPI 9/2000 Panduan keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah. Patuhi sepenuhnya Peraturan Tetap Membawa Pelajar Untuk Kegiatan Luar.*** SOP program sebelum, semasa dan selepas mestilah didokumenkan dan ditaklimatkan kepada semua peserta.

h. Guru yang terlibat perlu mematuhi ***SPI Bil.8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan SPI Bil.9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah)*** berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

i. Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

j. Pihak tuan dikehendaki mengemukakan satu salinan laporan dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bagi membolehkan pemberian pengiktirafan dan pemberian markah kokurikulum mengikut peringkat seperti yang dipohon.

5. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada perincian berikut sahaja dan akan luput sekiranya terdapat perubahan pada tarikh dan tempat seperti yang ditetapkan.

Tarikh : 14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020
Tempat : Langkawi, Kedah.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Mohd Mokhtar bin Shaari di talian 05-5015304 / 0195595892.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MENUJU PANGKOR PULAU BEBAS CUKAI 2020"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZNAN BIN HJ. ALIAS, AMP.)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembangunan Murid.
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
Perlis

NO. TEL. PEJABAT : 04-973 7777
PENGARAH : 04-973 7644
NO. FAKS : 04-976 7080
JPN CAWANGAN : 04-976 7410
LAMAN WEB : www.jpnperlis.gov.my

Rujukan kami : JPNPs.SP.100-2/1/1 (69)
Tarikh : 29 Januari 2020

Presiden,
Kelab Duta Rimba @ Jungle Ambassador Kuala Lumpur,
Kuartes Pendidikan Guru, Block C-4-3,
Jalan Atinahappan,Taman Tun Dr Ismail,
60000 WILAYAH PERSEKUTUAN,
KUALA LUMPUR

Tuan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR

Dengan hormatnya saya merujuk surat JAKL 200-/1/02 (01) bertarikh 13 Januari 2020 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis ***tiada halangan*** menyokong pelibatan sekolah-sekolah negeri Perlis untuk progam di atas.

3. Walau bagaimanapun, pihak tuan dipohon untuk mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia seperti surat KPM.600-12/4 JLD.7 (31) bertarikh 27 Disember 2019.

3. Sehubungan dengan itu, pohon jasa baik tuan untuk berbincang dengan Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (04-9737609) berkaitan program yang akan dianjurkan dan kebenaran ini terbatal selepas daripada tarikh program tersebut dilaksanakan.

Kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. IZMI BIN HJ. ISMAIL, A.M.P., P.J.K.)
Pengarah Pendidikan Perlis

s.k.:
- Sektor Pembangunan Murid
- Semua Pengetua, Sekolah Menengah Negeri Perlis
- Semua Guru Besar, Sekolah Rendah Negeri Perlis

HKMK/zana

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : http://jpnpp.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNPP (UKK)700 – 6/5/6 Jld.2 (61)
Tarikh : 9 Januari 2020

Pengetua/Guru Besar,
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah,
Negeri Pulau Pinang.

Tuan,

HEBAHAN PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020* ANJURAN DUTA RIMBA@*JUNGLE AMBASSADOR*

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Duta Rimba@*Jungle Ambassador* akan menganjurkan program tersebut pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh	: **14 hingga 17 Julai 2020**
Tempat	: **Pulau Langkawi, Kedah**
Penyertaan	: **Sekolah Rendah (tahun 4 hingga tahun 6)**
	Sekolah Menengah (tingkatan 1 hingga tingkatan 5)

3. Sehubungan itu, dipanjangkan jemputan menyertai program ini kepada sekolah-sekolah yang berminat. Bersama-sama ini disertakan salinan kertas kerja yang mengandungi maklumat lanjut dan surat kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebarang pertanyaan, tuan boleh terus menghubungi pihak urus setia penganjur En. S. Ganesan (016-333 3534) / Pn. Jun (016-220 8024) / Ust. Ammar (013-447 2057) / En. Rasul (011-1133 7493). Kerjasama dan komitmen tuan amat dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAHARI BIN ZAKARIAH)
Timbalan Pengarah,
Sektor Pembangunan Murid,
b.p. Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.
No. Tel : 04-652 1194 / 1195
No. Faks : 04-652 1014
E-mel : zahari.zakariah@moe.edu.my

s.k. 1. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / SPU / SPT / SPS

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular And Arts Division
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. kami : KPM.600-12/1/4 JLD.7 (31)
Tarikh : 27 Disember 2019
30 Rabiulakhir 1441H

Presiden,
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru, Blok C-4-3,
Jalan Ahtinahappan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh **12 Disember 2019** adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** bagi membenarkan murid dan guru untuk menghadiri ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat di **Langkawi, Kedah.** Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

3.1. Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;

3.2. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;

3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;

3.4 Pelibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;

3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;

3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;

3.8 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan; dan

3.9 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum, pihak tuan dipohon mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bersama-sama surat permohonan pengiktirafan program.

4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai dijalankan untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menghadiri *Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020 bertempat** di **Langkawi, Kedah Anjuran Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur.** Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RAZUKI BIN A. RAHIM)
Timbalan Pengarah,
b.p. Pengarah,
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

KERTAS KERJA

PROGRAM

'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK

ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'

Anjuran:

KELAB DUTA RIMBA@*JUNGLE AMBASSADOR* KUALA LUMPUR

dengan kerjasama

LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA SEKUDAI

SK KELIBANG LANGKAWI

14 -17 JULAI 2020

Pendaftaran Online
www.jungleambassador.org

1.0 PENDAHULUAN

Kelab Duta Rimba mengambil peranan mempromosi, mendidik dan menimbulkan kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya hutan dan pokok dalam kehidupan seharian. Kelab Duta Rimba juga membicarakan tentang isu-isu semasa seperti kemusnahan hutan dan pengembalian hutan kepada fungsi asalnya meningkatkan kesedaran masyarakat akan peri pentingnya hutan dan pokok-pokok di luar hutan untuk kepentingan generasi ini dan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, *Jungle Ambassador* Malaysia akan melancarkan program 'International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020' sejajar dengan matlamat SDG. Semoga usaha ini mendapat sokongan padu daripada semua pihak seperti Jabatan Perhutanan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara. Peserta yang berminat boleh membuat pendaftaran melalui laman web kami www.jungleambassador.org.

2.0 OBJEKTIF

2.1 Dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan murid sekolah akan kepentingan pokok hutan dan bukan hutan dalam kehidupan.
2.2 Memberi peluang kepada semua murid sekolah merasai pengalaman menanam pokok bakau dengan daya usaha sendiri.
2.3 Dapat memupuk amalan menanam pokok sebagai satu aktiviti beriadah.
2.4 Memupuk semangat kebertanggungjawaban di kalangan murid dari sudut penjagaan pokok
2.5 Mengintegrasi elemen teknologi dan alam sekitar dalam membina keperibadian murid.
2.6 Mewujudkan interaksi antara murid dan alam sekitar melalui penggunaan teknologi

3.0 KUMPULAN SASARAN

3.1 Murid sekolah rendah Tahap 2 dan murid sekolah menengah serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi.
3.2 Setiap sekolah boleh menghantar maksima 36 orang peserta sahaja bersama 6 orang guru pengiring. **Bagi setiap kumpulan wajib ada 3 orang peserta.**
3.3 Seorang guru pengiring dibenarkan mengawal tiga kumpulan iaitu 3-9 orang peserta sahaja.
3.4 Cadangan bilangan peserta keseluruhan adalah termasuk guru pengiring ialah 1000 orang.

4.0 TARIKH DAN MASA

14 Julai 2020 (Selasa) hingga 17 Julai 2020 (Jumaat)

5.0 CADANGAN PENGINAPAN

5.1 Hotel Grand Continental Langkawi
5.2 Hotel Langkasuka Langkawi
5.3 Check in 3.00 petang pada 14 Julai 2020
5.4 Check Out 1.00 petang 17 Julai 2020

6.0 MAKAN MINUM

6.1 Pihak penganjur akan menyediakan makanan dan minuman seperti di bawah

Tarikh	Sarapan	Minum Pagi	Makan Siang	Makan Malam	Kudapan Malam
14.7.2020				6.30 -8.30 pm	10.00-11.00 pm
15.7.2020	6.00-8.00 am	10.00-10.30	12.30-1.30 pm	6.30 -8.30 pm	10.00-11.00 pm
16.7.2020	6.00-8.00 am	10.00-10.30	12.30-1.30 pm	6.30 -8.30 pm	10.00-11.00 pm
17.7.2020	6.00-8.00 am	10.00-10.30	12.30-1.30 pm		

6.2 Sarapan,makan malam dan kudapan malam bertempat di SK Kelibang
6.3 Minum pagi dan makan tengah hari di lokasi aktiviti semasa.

7.0 PENDAFTARAN

6.3 Pendaftaran bermula jam 3.00 petang hingga jam 6.00 petang
6.4 Kit peserta akan diagihkan sewaktu pendaftaran.

8.0 PENGANGKUTAN

8.1 Perkhidmatan bas akan disediakan dari Jeti Kuah ke hotel dan sebaliknya.
8.2 Bas akan disediakan kepada peserta dari tempat penginapan ke tempat aktiviti yang diadakan.

9.0 TATACARA DAN PELAKSANAAN

9.1 Memohon kelulusan mengadakan program daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri.

9.2 Surat Tawaran kepada sekolah untuk menyertai program ini kepada semua sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

9.3 Setiap permohonan sebagai peserta, guru pembimbing atau urusetia perlu mendapat kebenaran pihak sekolah.

9.4 Permohonan menyertai program ini perlu mendaftar secara online www.jungleambassador.org

9.5 Permohonan yang mendapatkan kelulusan dari pihak penganjur sahaja yang boleh menyertai program ini.

9.6 Program ini memerlukan penggunaan telefon bimbit (smartphone) serta data internet. Peserta dan guru pengiring perlu memastikan mempunyai data internet yang mencukupi untuk sepanjang program berjalan.

9.7 Maklumat tambahan program akan sentiasa dikemaskini melalui alamat email yang digunakan semasa pendaftaran.

9.8 Guru-guru boleh juga menyertai Grup **Telegram –LGESC 2020** bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini.

9.9 Bayaran : RM450.00 termasuk – Hotel Penginapan, Makan Minum, T-Shirt, Lencana, Sijil dan pengangkutan di Langkawi sahaja.

Pembayaran : Bayaran Pertama RM150 sebelum 30 Mac 2020
: Bayaran kedua RM150.00 sebelum 30 Mei 2020
: Bayaran Terakhir RM150.00 sebelum 30 Jun 2020

Akaun : Maybank - 564276524184 – Cek Atas Nama : Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur

10.0 SENARAI KEPERLUAN

Pakaian Sukan	3 Malam 4 hari
Pakaian Sembayang	1 set
Telefon Bimbit/Tab	Setiap Kumpulan satu
Ubat Peribadi	Ikut Keperluan
Beg Galas	1 set
Botol Air	1 set
Buku Log	Ikut Unit Beruniform Masing-masing

11.0 TENTATIF PROGRAM

INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO-SCHOOL CHALLENGES 2020 14-17 JULAI 2020

Tarikh/Masa	5.30 - 8.00	8.00 - 12.30	12.30 - 2.00	2.00 - 6.00	6.00 - 8.00	8.00 - 10.00	10.00
SELASA 14-Jul-20				PENDAFTARAN	REHAT	Taklimat Program dan Ice Breaking	TAMAT
RABU 15-Jul-20	Pengurusan Diri	Geopark Klim Geopark K Badak	Geopark Kompleks Kraf Geopark Mat Chinchang	REHAT	Geopark Mat Chinchang Geopark Klim	Geopark Kompleks Kraf	REHAT	Group Presentation	TAMAT
KHAMIS 16-Jul-20	Pengurusan Diri	Geopark Kompleks Kraf Geopark Mat Chinchang	Geopark K Badak Geopark Klim	REHAT	Geopark Kompleks Kraf Geopark Klim	Geopark K Badak	REHAT	Group Presentation	TAMAT
Jumaat 17-Jul-20	Pengurusan Diri	Penutup					

12.0 HARAPAN

Pihak kami, *Jungle Ambassador* berharap agar program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan sokongan semua pihak. Semoga kita semua dapat meningkatkan kesedaran dengan cara mendidik generasi baru dan akan datang tentang kepentingan hutan dan pokok-pokok di luar hutan dalam kehidupan seharian kita.

Disediakan oleh : .....

Nama Pegawai : **MOHAMED RASUL BIN SALLEHUDIN**
Jawatan : SETIAUSAHA PROGRAM

KELULUSAN PERMOHONAN

Kertas kerja ini dikemukakan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan pihak tuan untuk menjayakan **'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGES 2020'**

Disokong oleh, **AZMIL MUNIF BIN MOHD BUKHARI** Pengurus Langkawi UNESCO Global GeoPark	**Disokong oleh,** **AZHAR BIN AHMAD** Guru Besar SK Kelibang Langkawi Kedah
Disokong oleh, **PROF. DR. KASTURI DEVI KANNIAH** Assistant Dean (Quality and Strategy) Universiti Teknologi Malaysia Johor	**Disahkan oleh,** **GANESAN S.SITTRAMBARAM** Presiden Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

Tel : 082-473473
Faks : 082-473478
Laman Web : *jpnsarawak.moe.gov.my*

Ruj.Kami : JPNSW.SPPK.KK.600-3/4/16 Jld. (18)
Tarikh : 30 Januari 2020

Presiden
Kelab Duta Rimba
Kuarter Pendidikan Guru Block C-4-3,
Jalan Atinahappan.Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

Dengan hormatnya surat tuan bil. : JAKL 200-1/02 (01) yang bertarikh 13 Januari 2020 berkenaan dengan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak tiada halangan kepada guru dan murid menghadiri ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat **di Langkawi, Kedah.** Walau bagaimanapun, kebenaran dan kelulusan ini adalah tertakluk kepada surat pekeliling / surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:-

2.1 ***Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018 –*** Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;

2.2 ***Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/1010*** – Garis Paduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;

2.3 ***Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016 –*** Panduan Keselamatan Semasa Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah;

2.4 ***Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 2011 –*** Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dimohon untuk memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Pendidikan Daerah / Pengetua / Guru Besar sekolah yang terlibat tentang program tersebut dengan mematuhi syarat-syarat berikut:-

3.1 **Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;**

3.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak;

3.3 Guru dan pihak sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** untuk terlibat dalam program ini;

Scanned with CamScanner

Ruj.Kami : JPNSW.SPPK.KK.600-3/4/16 Jld. (18)
Tarikh : 30 Januari 2020

KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

3.4 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi murid ke program berkenaan. Nisbah maksimum adalah **1 (satu) orang guru bagi setiap 10 (sepuluh) orang murid**. Mesti ada guru pengiring perempuan jika melibatkan murid perempuan dan mesti ada guru lelaki sekiranya program melibatkan murid lelaki;

3.5 Guru pengiring **MESTI** bersama murid sepanjang program dijalankan dari mula hingga ke akhir program (termasuk perjalanan pergi dan balik);

3.6 Bagi program yang melibatkan bermalam dan tempat bermalam disediakan,aktiviti yang dilaksanakan hendaklah **tidak lebih daripada 10.30 malam**;

3.7 Program yang melibatkan **kos pembayaran penyertaan untuk guru bagi program yang dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan pihak sekolah;**

3.8 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat**;

3.9 Pihak pengelola bertanggungjawab menyediakan perlindungan insuran untuk guru yang terlibat dengan program ini;

3.10 Mematuhi peraturan-peraturan yang diperkuatkuasakan di tempat-tempat yang dilawat dan menghormati adat resam setempat;

3.11 Penglibatan guru dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta tidak menganggu lain-lain program yang telah dirancang oleh sekolah, PPD, JPN dan KPM;

3.12 Pihak sekolah dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari mengikut format Lampiran 1** selepas pelaksanaan program tersebut;

3.13 **Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa**.

4. Kelulusan ini untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **15 Julai 2020.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MORTADZA BIN SAT)
Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

s.k 1. Fail Timbul Pengarah Pendidikan Sarawak

Scanned with CamScanner

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500
Faks : 03-5510 2133
Laman Web : *jpnselangor.moe.gov.my*

Rujukan Kami : JPNS.SPD.600-11/2/2 JLD. 6(22)
Tarikh : 10 Februari 2020

Ganesan S. Sittrambaram
Presiden
Kelab Duta Rimba
Kuarter Pendidikan Guru,
Blok C-4-3, Jalan Atinahappan,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur

Tuan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM *"INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita di maklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Selangor ambil maklum dan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk ***mengadakan program "International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami.

3. Kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan **pihak pengurusan sekolah** dan tiada unsur paksaan. Tuan diminta menghubungi **Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar** untuk mendapat persetujuan serta mematuhi garis panduan berikut:-

3.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Guru Besar/ Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian;**

3.2 **Pihak JPN dan PPD berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/ guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;**

3.3 **Surat kebenaran/ kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**

3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai/guru dan murid yang terlibat dengan program ini;

3.5 Pegawai/guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

3.6 Penyertaan murid dan pegawai/guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.7 **Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**

3.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;

3.9 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;

3.10 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;** dan

3.11 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruktional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak KPM **mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP iaitu dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu sahaja**.

5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **17 Julai 2020**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD RADZI BIN ABDULLAH, *K.M.N* **)**
Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,
Jabatan Pendidikan Selangor,
b.p Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

S.K-1) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : P.T 12017-13/9 (4)
Tarikh : 22 Januari 2020

Ganesan S.Sittrambaram
Presiden
Kelab Duta Rimba
Kuarter Pendidikan Guru,
Blok C-4-3 Jalan Atinahappan,
Jalan Tun Dr Ismail,
6000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM *'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'* DI LANGKAWI, KEDAH

Dengan segala hormatnya surat tuan JAKL 200-/1/02(01) bertarikh 13 Januari 2020 dirujuk dan berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu tiada halangan membenarkan pihak **Kelab Duta Rimba** untuk menganjurkan ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"***. Walau bagaimanapun, kelulusan ini terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja bagi hal-hal yang berkaitan dengan perkara tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

2.1 Pihak tuan hendaklah mematuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018- Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia**;

2.2 Mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan serta mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah

2.3 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah;

2.4 Menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;

2.5 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

2.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis ibu bapa / penjaga masing-masing (Surat Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga Murid) dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan berlaku;

2.7 Jika melibatkan aktiviti di air dan aktiviti di hutan **MESTI** menggunakan jurulatih yang mempunyai Bronze Medal dan bertauliah yang mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digunapakai oleh Pusat Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan nisbah **1 Jurulatih : 5 Murid**;

2.8 Semua perbelanjaan bagi pegawai, guru dan murid yang terlibat dengan aktiviti ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur dan tidak ada implikasi kewangan kepada sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia;

2.9 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dan arahan-arahan semasa berkenaan pelaksanaan aktiviti murid yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;

2.10 Kelulusan ini adalah hanya untuk kebenaran menganjurkan *"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"* di Langkawi,Kedah anjuran **Kelab Duta Rimba** dan tamat tempohnya pada **14 hingga 17 Julai 2020**. Pihak tuan juga diminta menghantar laporan ringkas program (Lampiran 1) mengikut format yang dilampirkan bersama-sama surat ini selepas 2 minggu program selesai dijalankan.

Kerjasama tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"Mendepani Pendidikan Global"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SALIM BIN AB GHANI, A.M.N.
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.
Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD) - *Makluman tuan*
Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Murid) - *Makluman tuan*

KAIRULHANA/KELULUSAN/21012020

LAMPIRAN 1

LAPORAN AKTIVITI DAERAH / NEGERI

1. **NAMA AKTIVITI :**

2. **TARIKH PELAKSANAAN:**

3. **TEMPAT :**

4. **PENGLIBATAN :**

KATEGORI	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH		JUMLAH BESAR
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
MURID											
GURU											
ANGGOTA (Jika Berkenaan)											

5. **PERASMIAN**

   a) **Pembukaan :**

   b) **Penutup :**

6. **OUTCOME :**

7. KEPUTUSAN PERTANDINGAN ATAU AKTIVITI (JIKA ADA) :

8. AKTIVITI BERGAMBAR :